

OPERASI SAR MANGSA TANAH JERLUS JALAN MASJID INDIA, KL

Pasukan mencari dan menyelamat (SAR) menggunakan pelbagai teknik, alat dan jentera bagi menjejaki wanita warga India, **Vijayaletchumy, 48**, yang terjatuh ke lubang sedalam 8 meter susulan insiden tanah jerlus pada 23 Ogos 2024



TEKNIK 'FLUSHING'

Sekatan air diadukukan di satu lubang kira-kira 50 meter dari lokasi tanah jerlus sebelum dilepaskan dengan cepat bagi mewujudkan daya tolakan.



PENYELAMAN

Anggota SAR memakai PPE khas diturunkan ke dasar tangki dan bahagian penapis loji IWK Pantar Dalam bagi mencari sebarang petunjuk berkaitan mangsa.



JET PEMBETUNG BERKUASA TINGGI (JETTER)

Digunakan untuk memecah sisa batuan di dalam lubang di hadapan Wisma Yakin Jalan Masjid India.



PUSHROD DAN CRAWLER CAMERA

Crawler camera dimasukkan di lubang lokasi mangsa jatuh, menuju ke lubang di hadapan Wisma Yakin serta di lubang Jalan Mesaya dan Bulatan Kinabalu bagi mengesan kebarangkalian lokasi mangsa.



GROUND PENETRATING RADAR (GPR)

Radar menembusi tanah ini diturunkan di lokasi mangsa jatuh ia memancarkan gelombang elektromagnetik ke bawah permukaan tanah menerusi pemancar dan mengesan kembali gelombang yang terpantul menggunakan sensor penerima.



JENTERA PENGOREK DAN JENTOLAK

Digunakan untuk mengorek dan mengalihkan bongkah besar selain membesarkan diameter lubang lokasi mangsa jatuh.



ANJING PENGESAN

Dua anjing pengesan JBPM iaitu Frankie dan Denti digunakan untuk mengesan lokasi mangsa insiden tanah jerlus.

IWK - Indah Water Konsortium

PPE - peralatan keselamatan

JBPM - Jabatan Bersemita dan Penyelamat Malaysia

Pihak DBKL menutup jalan berikutan terdapat satu mendapan tanah kecil di Jalan Masjid India pada Rabu.



Terletak kira-kira 50 meter dari lokasi kejadian

Mendapan dikesan dekat insiden tanah jerlus

Oleh MUHAMMAD AMINURALIF MOHD ZOKI dan HISYAMUDDIN AYUB
KUALA LUMPUR

Satu lagi lubang baru dikesan berdekatan dengan lokasi tanah jerlus yang menyebabkan seorang wanita warga India masih hilang dan masih belum ditemui dekat Jalan Masjid India di sini pada Rabu.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati lubang berkenaan terletak kira-kira 50 meter daripada lokasi kejadian sebelum ini.

Terdahulu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain turut dilihat hadir di sekitar lokasi kejadian.

Beliau dibawa meninjau keadaan sekitar termasuk lokasi lubang baru yang ditutupi dengan pengadang itu.

Operasi mencari dan menyelamat (SAR) pada hari keenam melibatkan pe-

lancong wanita warga India dikenali sebagai Vijayaletchumy, 48, yang terjatuh ke dalam lubang sedalam lapan meter dalam insiden tanah jerlus di sini diteruskan.

Alat pengesan Ground Penetrating Radar (GPR) atau radar menembusi tanah terus digunakan pada hari keenam untuk mengesan mangsa.

Tinjauan juga mendapati sebahagian besar premis perniagaan telah memulakan operasi dan sebahagian lagi masih ditutup.

Sementara itu, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam satu kenyataan memaklumkan akan terus menjalankan pemantauan melibatkan kejadian baharu itu.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif berkata, kejadian tanah mendap terbabit dikesan berlaku kira-kira jam 2.30 pagi berdekatan Pondok Polis Masjid India.

"Sebagai langkah keselamatan, kawasan kejadian telah ditutup menggunakan tali keselamatan dan pengadang air.

"Tindakan segera diambil oleh DBKL dengan penglibatan Indah Water Konsortium (IWK) yang kini menjalankan pemeriksaan paip kumbahan di lokasi tersebut serta di kawasan sekitarnya bagi memastikan tiada kerosakan lanjut," katanya.

Menurut Maimunah, DBKL akan terus bekerjasama erat dengan IWK serta

agensi-agensi lain untuk memastikan tindakan susulan yang berterusan dilaksanakan.

"Keselamatan dan kesejahteraan warga Kuala Lumpur adalah keutamaan kami.

"DBKL akan terus memantau keadaan ini dan mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memastikan keselamatan awam," ujar beliau.

Laluan di sepanjang Jalan Masjid India telah ditutup bagi semua kenderaan susulan kejadian kedua melibatkan tanah mendap di sini pada Rabu.

Tinjauan juga mendapati laluan ini ditutup dianggarkan sepanjang 200 hingga 300 meter bagi semua kenderaan atas faktor keselamatan.